

## FIKIRAN MELAYU DARI MESIR

### MENGHAD BERANAK MENURUT HUKUM ISLAM

Oleh : ‘Abdul Qādir Ismā‘īl ‘Abdullāh

Fakulti Shar‘iyyah-Azhar Universiti

Menghad beranak adalah soal lama telah dibahas dan dikajikan oleh ahli-ahli fikiran barat khususnya ahli-ahli sosial dan ekonomi, kerana menghad beranak ada mempunyai perhubungan rapat dengan hidup manusia dan siasah sesuatu negara dan juga sebagai suatu faktor bagi mengubah nasib kaum dan bangsa.

Pihak yang berjiwa keruh dan gelisah kepada kebanyakan penduduk di suatu negeri, mereka telah menganjurkan suapa dihadkan beranak, sebaliknya pula merka yang memandangi kepada kebanyakan penduduk itu dengan jiwa optimistic mereka ini tidak mengharuskan dihadkan beranak.

Ahli-ahli fikiran di dalam kurun 17 hingga kepada akhir kurun 18 memandangi bahawa kebanyakan hidup itu ialah asas kekuatan dan kemajuan, rahsia kemakmuran dan kebahagiaan, anasir ketinggian dan kemenangan sesuatu bangsa. Tetapi sebaliknya kekurangan penduduk adalah dipandang sebagai suatu sebab kelemahan, kemunduran dan kemalasan suatu umat. Menurut tabiat semulajadi pada manusia bila ia tinggal di suatu tempat yang luas dan penuh dengan barang-barang makanan dan perkara-perkara untuk keperluan hidupnya, ia tidak lagi berkehendak kepada kerja banyak dan berfikir panjang bagi mendapat keperluan hidupnya, akhirnya ia menjadi malas dan beku otaknya.

Pada akhir kurun 18 di sana timbul suatu fikiran yang berlawanan dengan fikiran yang di atas, fikiran inilah dianjurkan oleh seorang ahli ekonomi Inggeris

bernama (Malts) dan ia juga sebagai seorang paderi yang zahir pada kurun ini. Ia telah mendapat suatu kesimpulan bahawa manusia akan berlipat ganda banyaknya di dalam masa hanya 25 tahun sahaja kalau tidak ada apa-apa halangan dan peggalang sedangkan barang makanan tidak, ia telah membayangkan fikirannya menurut secara ilmu geometri seperti berikut:

Penduduk-penduduk negeri bertambah, 1-2-4-8-16-32.....

Barang-barang makanan bertambah, 1-2-3-4-5-6-7.....

Menurut pendapat ini manusia akan lebih banyak bilangannya dari nisbah makanan, barang sudah tentu bilangannya yang terlebih ini mustahil akan hidup, bahkan terhapus lenyap kerana kelaparan, kesakitan, peperangan dan sebagainya.

Oleh yang demikian ia telah menasihatkan bagi mengelakkan dari bencana dan natijah buruk ini supaya janganlah seseorang itu berkahwin terlampau muda, dan janganlah berkahwin selagi tidak ada nafkah atau saran hidup. Sesungguhnya ia tidak menasihatkan supaya dihadkan beranak tetapi anjurannya itu telah membuka fikiran kepada orang-orang eropah supaya menghadkan beranak.

Fikiran mengadakan beranak telah dilakukan oleh orang-orang Inggeris dan Amerika kerana meraka memandangi bahawa banyak bilangan penduduk adalah sebagai suatu lorongan kepada kepaan dan kemiskinan, lebih-lebihnya mereka telah merasai dan menyangka bahawa mereka adalah sebagai suatu bangsa yang lebih maju di dalam sebarang lapangan, kemajuan ini bukanlah terhenti di atas banyak bilangan tetapi terhenti di atas kebijaksanaan dan persediaan yang ada pada mereka.

Dengan ini banyaklah badan-badan telah ditubuhkan oleh rakyat-rakyat Amerika dan di England untuk menghadkan beranak, usaha-usaha ini tidaklah diharamkan oleh kerajaan atau dibangkang oleh gereja-gereja, bahkan badan-badan tersebut ada mendapat sokongan dari Majlis Lord di England, dan juga telah diadakan undang-undang bagi menyokong siasah menghadkan beranak oleh setengah wilayah di Amerika Syarikat. Sungguhpun begitu tetapi kerajaan-kerajaan di Amerika Selatan tidak bercampur tangan di dalam perkara ini setengah negeri-negeri eropah seperti negeri Perancis mengharamkan menghadkan beranak.

Sebenarnya banyak sangat angkara yang telah menimpa ke atas umat yang menghadkan beranak. Natijah buruk telah menepati harapan banik yang dinanti-nantikan oleh mereka. Lebih-lebihnya pada masa sekarang. Nisbah beranak di England sangatlah kurang hingga menggerunkan dan meggelisahkan fikiran am. Dan kerajaan terpaksa mengubati hal-hal kekurangan di dalam bilangan penduduk dengan cara memberi pertolongan kepada pembeli yang anaknya banyak sebagai suatu sokongan dan pemerangsang kepada tiap-tiap pembeli untuk membanyakkan anak dan meninggalkan adat yang akan merosakkan bangsa dan negara langkahnya itu sungguhpun telah dijalankan tetapi hendak mengubah barang yang telah berdaging darah dan berakar berumbi itu amatlah sukarnya.

Setelah ternyata keburukkan-keburukkan menghadkan beranak. Maka di sana kembali pula siasah lama untuk membanyakkan anak lebih-lebihnya di Itali dan di Jerman di dalam masa selesainya peperangan besar yang pertama hingga kepada peperangan besar yang kedua kerana banyak penduduk adalah dipandang sebagai asas utama bagi memenangi perjuangan dan menghasilkan cita-cita tinggi dari peperangan.

Banyak sekali langkah-langkahnya yang telah dijalankan untuk membanyakkan beranak di antaranya:

(1) Dirikan bantuan kepada pembeli-pembeli yang banyak anak dan melebihi gaji mereka menurut bilangan anak.

(2) Mewajibkan cukai ke atas mereka yang tidak berkahwin atau tidak mempunyai anak (Undang-undang Rusia yang dijalankan pada 8 Julai 1944).

(3) Memberikan hutang kepada sesiapa yang hendak berkahwin dengan faedah yang amat kecil dan bila mendapat anak dihapuskan sebahagian daripada hutangnya (Undang-undang Jerman yang dijalankan pada tahun 1933, dan Undang-undang Perancis yang dijalankan pada 12 November 1938).

(4) Menggurkan cukai menurut bilangan kanak-kanak.

(5) Membangunkan rumah untuk orang-orang yang banyak anak dengan membayar sewa yang paling kecil, memberi peluang menaiki keretapi, motokar dan seumpamanya dengan bayaran murah. Di negeri Perancis baharu-baharu ini telah dicadangkan supaya diubah cara pilihan raya iaitu dengan diberi suara memilih kepada family-family menurut bilangan anak-anak mereka.

Di Mesir pula dengan sebab memandang kepada cepatnya bertambah bilangan penduduk dan kekurangan hasil-hasil tanaman dan barang-barang makanan maka setengah ahli-ahli ekonomi dan sosial di antaranya Doktor "Kayland" dalam sebuah kitabnya yang bernama "Kerosakkan Penduduk Mesir" telah bercadang supaya dijalankan siasah menghadkan beranak, fikiran ini telah dijalankan oleh Kerajaan Mesir dari ini sebagai suatu percubaan dengan disyaratkan perempuan yang menghadkan beranak itu telah mendapat lebih dari tiga orang anak dan disyaratkan mendapat persetujuan suaminya.

Di sini sayugia kita menyebutkan bahawa menghadkan beranak bukanlah beerti mengugurkan anak sebagaimana yang tersiar di dalam akhbar di Tanah Melayu. Kerana menghadkan beranak maknanya seseorang itu telah mempunyai sekian banyak anak kemudian ditahankan supaya cukuplah kadar bilangan yang telah ada. Adapun mengugurkan anak. Maknanya anak telah ada di dalam kandungan ibunya kemudian jatuh atau dikeluarkan. Adapun yang telah

dijalankan oleh Kerajaan Mesir itu ialah menghadkan beranak bukan mengugurkannya kerana yang tersiar di dalam surat khabar Mesir perkataan “*taḥdīd al-nasāl*” yang beerti “menghadkan beranak” bukan “*al-ljḥāq*” yang beerti “mengugurkan anak”. Di sini biarlah kita kemukan lafāz-lafāz atau perkataan-pekartaan yang telah disiarkan oleh “*Akḥbār al-Yawm*” 11 Jun 1955 sebagai penjelasan yang terang kepada orang-orang supaya jangan mereka tersilap faham apa yang telah dijalankan oleh Kerajaan Mesir hari ini. Siaran-siaran itu adalah berbunyi seperti berikut, Melayunya: Pejabat Kementerian Kesihatan telah membukan 12 tempat perubatan untuk menghadkan beranak- telah selesai muafakat di antara lujnah sivil bagi penduduk di dalam majlis tetap bagi perkhidmatan am dengan pejabat Kementerian Kesihatan dan setengah lembaga-lembaga sivil sosial di atas mengadakan 12 pusat perubatan untuk mengubati banyak beranak dan penyakit mandul di antara kaum ibu.....”

Langkahan yang telah di ambil oleh Kerajaan Mesir ini sendiri ada berlawanan dengan setengah ahli-ahli ekonomi Mesir sendiri yang memandang tidak sepatutnya di ambil siasah menghadkan beranak kerana pekerti-pekerti di Mesir masih dan akan dibuka atau dibesarkan, tanah-tanah yang belum sampai air akan diusaha supaya dapat ditanam dan disiram dengan air Sungai Nil yang masih lagi terbuang dengan banyaknya ke laut, lombong besar akan dibuka yang mana semua ini berkehendak kepada tangan-tangan untuk bekerja dari bangsa sendiri.

### Fikiran Alim ‘Ulama Islam

Tentang menghadkan beranak atau menahan dari beranak  
Sebenarnya alim ulama bersalah-salahan tentang memaham hukum menghadkan beranak dari ajaran Islam dan dalilnya, masing-masing telah mengemukakan hukum menurut asas *ijtihād*nya, asas-asas ini boleh kita kumpulkan di dalam empat macam, (1) Anak

hak ibu bapa dan umat. (2) Anak hak ibu bapa dan umat tetapi hak umat lebih kuat. (3) Anak hak dua ibu bapa. (4) Anak hak bapa sahaja.

Menurut asas yang pertama: Yang membinakan hukum menurut asas ini ialah mazhab Shāfi’ī, mazhab Ḥanbalī, dan kebanyakan ahli-ahli mazhab yang lain. Mereka memandang bahawa menahan dari mengandung itu makruh kerana yang demikian itu adalah jalan memutus anak cucu dan keturunan. Padahal membanyakkan anak cucu adalah sangat disuruh dan digemari oleh Islam. Hukum ini sungguhpun makruh tetapi dalam masa berhajat menurut dalam pandangan shara’ adalah diharuskan.

Asas yang kedua: Di antara yang menurut asas ini ialah ahli-ahli ḥadīth. Mereka memandang bahawa menahan beranak itu haram semata-mata, kerana menahan diri beranak memutuskan anak cucu dan keturunan pada hal membanyakkan anak cucu adalah tujuan yang terbesar sekali dari berkahwin dan berumah tangga, dan menghapuskan suatu benda yang telah disediakan oleh Allah Ta’ālā untuk hidup yang akan memberi faedah kepada manusia dan memakmurkan dunia.

Asas ketiga: Di antara alim ulamayang membina hukum menurut asas itu ialah kebanyakan alim ulama Ḥanafī, mereka memandang menahan dari mengandung itu harus dengan syarat hendaklah dipersetujui oleh isteri kerana ia juga berhak mempunyai anak, tetapi ulama-ulama Ḥanafī yang mutakhirin telah mengeluarkan fatwa harus dengan tidak mendapat persetujuan suami isteri apabila ditakuti anaka akan menjadi jahat kerana kerosakkan zaman. Ini adalah berasaskan kepada suatu kaedah Islam “hukum itu berubah mengikut aliran masa”.

Asas keempat: Bapa itu harus kepadanya hendak mendapat anak atau tidak. Di antara ahli fikiran ini ialah Imam Ghazālī raḥimah Allāh. Kerana sekiranya kalau tidak

sambungan pada muka 29

sambungan dari muka 15

berkahwin atau tidak bersetubuh dengan isteri hanya menyalahi hukum yang afdal. Maka menahan dari mengandung itu harus. Imam Ghazālī menambah katanya lagi, ini sekiranya kalau tidak memandang kepada segi pendorong kerana kalau pendorong itu harus maka harus pula hukum menahan diri mengandung. Umpamanya hendak menjada kecantikan isteri dan takut kepada tersangat sengsara oleh sebab banyak anak dan kalau pendorong itu makruh dan hukum menahan dari mengandung turut makruh umpama takut mendapat anak perempuan sebagaimana ditakuti orang-orang Arab jahiliah.

Inilah sahaja hasil pendapat ahli-ahli fikiran dan hukum Islam di dalam menghadkan beranak yang dapat dikemukakan di sini. Walau bagaimanapun nampaknya perlu sekali kepada umat Islam hari ini membanyakkan anak suapaya bertambah umat Islam dan bertambah kuat negara Islam sebagaimana

wajibnya mereka membuka peluang dan pintu untuk kesenangan dan kebahagiaan anak-anak mereka menurut apa yang digemari oleh Allah dan Rasul-Nya.

Kita orang-orang Melayu hari ini sayugia janganlah sekali-kali berfikir hendak menghad atau menjarangkan beranak kerana di hadapan kita berbagai-bagai kerumitan yang tak dapat diubati melainkan dengan banyak beranak dan banyak bilangan orang-orang Melayu, kita sekarang kekurangan tangan bekerja untuk mengeluarkan hasil-hasil dan kekayaan Malaya dengan sendiri, dan kita masih kekurangan bala tentera untuk mempertahankan dan membela tanah air. Janganlah kita mudah mengambil dan menurut fikiran asing sebelum kita mengukur natijahnya kepada negeri kita kerana yang demikian ini akan merosakkan kita, merosakkan tanah ar kita dan kalau kita tidak pandai hari ini harus bangsa kita akan hilang lenyap, dan negeri kita dipunyai oleh bangsa asing.



*Rumah kerajaan Brunei salah sebuah bangunan yang indah di negeri minyak yang kaya raya itu.*